

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

No. 297.

FATWA MENGENAI SYARIKAT RUFAQA' CORPORATION SDN. BHD.
DAN RANGKAIAN SYARIKAT GABUNGANNYA

Bahwasanya Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini:

Dan bahwasanya menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang fatwa ini:

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan menyiaran fatwa yang berikut:

- (i) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang menjadi ahli jamaah atau pengikut Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) dan rangkaian syarikat gabungannya adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam;

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

12hb Mac 2009]

235

-
- (ii) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang menjadi ahli jamaah atau pengikut SRC dan rangkaian syarikat gabungannya dengan berselindung disebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pertanian, perladangan, telekomunikasi atau apa-apa aktiviti lain yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman kumpulan al-Arqam, adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam;
 - (iii) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang cuba menghidupkan kembali ajaran dan fahaman Kumpulan al-Arqam sama ada melalui SRC dan rangkaian syarikat gabungannya atau mana-mana pertubuhan, persatuan atau syarikat yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman Kumpulan al-Arqam adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam;
 - (iv) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang disebut pada perenggan (i), (ii) dan (iii) di atas, adalah mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
 - (v) Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran, pegangan atau fahaman Kumpulan al-Arqam dan ajaran, pegangan atau fahaman ahli jamaah SRC atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman kumpulan baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Kumpulan al-Arqam dan ahli jamaah SRC adalah bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menyeleweng daripada ajaran Islam;
 - (vi) Apa-apa juga bahan publisiti yang menonjolkan atau menghidupkan ajaran Kumpulan al-Arqam dan ajaran, pegangan atau fahaman ahli jamaah SRC atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman kumpulan baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Kumpulan al-Arqam dan ahli jamaah SRC dalam apa-apa juga bentuk penerbitan dan cetakan adalah diharamkan.
 - (vii) Orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman, audio, risalah, buku-bukur, majalah atau apa-apa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen, menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan Kumpulan Darul Arqam @ Al-Arqam atau SRC kepada mana-mana harta alih atau tak alih dan semua pihak dilarang daripada memberi juga kemudahan dan bantuan.

Bertarikh 5 Februari 2009
[MNPK.A351.IST/01/7 JLD 2; PU.Pk. 07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA
Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Negeri Perak Darul Ridzuan